



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PERSIDANGAN ANTARABANGSA COCOTECH KALI KE 50 BERI MANFAAT KEPADA NEGARA ANGGOTA**

**KUALA LUMPUR, 10 NOVEMBER 2022** : Negara anggota dan peserta Persidangan Antarabangsa COCOTECH 2022 mendapat pelbagai manfaat hasil perkongsian merentasi 20 negara anggota ICC dari seluruh dunia.

Selain menjadi platform terbaik untuk bertukar idea dan amalan terbaik bagi lebih memahami isu dan cabaran yang dihadapi industri kelapa, persidangan antarabangsa yang berlangsung selama empat (4) hari bermula 7 hingga 10 November 2022 juga memberi peluang kepada semua ahli dan anggota ICC serta pemain industri untuk bertemu dan menjalinkan jaringan kerjasama demi manfaat bersama.

Pameran dan persidangan antarabangsa kali ke 50 (COCOTECH 2022) berlangsung di Kuala Lumpur *Convention Centre* (KLCC), Kuala Lumpur dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama *International Coconut Community* (ICC) dengan tema "*Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry*".

COCOTECH 2022 telah mendapat sambutan di luar jangkaan dan turut dihadiri seramai 400 orang peserta terdiri daripada delegasi negara-negara ahli dan bukan ahli di bawah ICC serta pakar-pakar tanaman kelapa dari seluruh dunia. Sebanyak 50 kertas telah dibentangkan meliputi topik antaranya *Policy Coherence to Climate Change Solutions for a Resilient and Sustainable Coconut Agroindustry and Farmer's Livelihood, Promoting the Development of Green Exports of Coconut Products dan Agronomic Adaptations Strategies to Climate Change*.

10 usul disenaraikan hasil dari pembentangan persidangan COCOTECH 2022 yang berlangsung selama empat (4) hari, antaranya melaksanakan dasar-dasar dan program yang sesuai bagi mendepani daya tahan perubahan iklim, mengadaptasi strategi amalan agronomi yang berdaya tahan dengan sebarang perubahan iklim dan mengadaptasi strategi pembangunan genetik yang berdaya tahan dengan perubahan iklim.

Untuk rekod, produktiviti tanaman kelapa di Malaysia menduduki tangga yang ke-7 di dunia selepas Vietnam, India dan Sri Lanka. Industri kelapa merupakan antara tiga (3) industri penting menyumbang kepada sosio-ekonomi Malaysia di mana dianggarkan seramai 65,340 keluarga tani terlibat dalam penanaman kelapa. Tanaman kelapa merupakan komoditi utama di Malaysia selepas kelapa sawit, getah dan padi. Pada tahun 2020, keluasan penanaman kelapa adalah 84,942 hektar dengan pengeluaran sebanyak 536 juta biji yang menyumbang kepada produktiviti 6,317 biji per hektar.

MAFI melalui Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada empat (4) varieti kelapa berhasil tinggi iaitu kelapa hibrid MATAG dan kelapa rendah/dwarf seperti Malayan Yellow Dwarf (MYD), Malayan Red Dwarf (MRD) dan Kelapa Pandan bagi meningkatkan pengeluaran kelapa di Malaysia. Ini adalah bagi memastikan pengeluaran kelapa meningkat walaupun kawasan penanaman kelapa terhad.

Kerajaan melalui MAFI sentiasa komited dalam mengukuhkan lagi kerjasama di peringkat antarabangsa bagi terus meningkatkan daya tahan industri kelapa.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**10 NOVEMBER 2022**